

100 KATA DASAR BAHASA KEBANGSAAN

**DEWAN BAHASA DAN
KEBUDAYAAN KEBANGSAAN**

100 KATADASAR BAHASA KEBANGSAAN

di-susun oleh
BUYONG BIN ADIL

di-terbitkan oleh
**DEWAN BAHASA DAN KEBUDAYAAN KEBANGSAAN
SINGAPURA**
1963

100 KATADASAR BAHASA KEBANGSAAN

100 katadasar Bahasa Kebangsaan (Bahasa Melayu) yang di-gunakan dalam risalat ini:—

emak	buah	kirim	belum	turoh
bapa	kerja	bangun	pernah	boleh
guru	tanya	nanti	sangat	jadi
orang	khat	dapat	yang	ada
nama	tulis	sampai	apa	suka
bahasa	buat	kenal	mana	hendak
bangsa	datang	saya	bila	mahu
kampong	simpan	awak	dan	rajin
rumah	dudok	enche'	dengan	banyak
kedai	pukul	dia	kerana	ramai
buku	jalan	kita	tetapi	pandai
surat	pergi	ini	hari	jangan
jam	ajar	itu	pagi	tidak (ca')
tempat	bayar	sini	petang	tiada
pejabat	tolong	bagitu	malam	(tidak ada; ca')
wang	jual	ia (-itu)	dari	ada)
harga	beli	ia (-lah)	pada	
barang	tahu	juga	sekarang	bukan
chakap	beri	akan	esok	dalam
bacha	cerima	sudah	(besok)	jauh
kata	punya	tengah	minggu	lama

GUNAKAN BAHASA KEBANGSAAN

100 katadasar Bahasa Kebangsaan (Bahasa Melayu) dengan erti-nya dalam Bahasa2 China, Tamil dan Inggeris:—

Melayu	China	Tamil	Inggeris
emak	母親	அம்மா	mother
bapa	父親	அப்பா	father
guru	教師	துசிசியா	teacher
orang	人	ஆள், மனிதர்	person
nama	姓名	பெயர்	name
bahasa	語文	இலாங்கி	language
bangsa	民族	இன்ன, நா	nation
kampong	鄉村	கிராமம்	village
rumah	屋	வீடு	house
kedai	商店	கடை	shop
buku	書本	புத்தகம்	book
surat	信	எழுதும்	letter
jam	錄	கஷ்டாடும்	watch, clock
tempat	地方	ஜில்லை	place
pejabat	部門	அதிகாரம்	office
wang	金錢	பைசும்	money
harga	價格	விலை	price
barang	物品	ஒள்ளுத், ஊட்டுத்	thing
chakap	講	சூர்	to speak
bacha	讀	லாசி, புதி	to read

Melayu	China	Tamil	Inggeris
kata	說	தொலை	to say
buaH	果實	பழக்கம்	fruit (sa-buah = a)
kerja	工作	ஊழல்	to work
tanya	問	கேள்வி	to ask
lihat	看	நாடி	to see
tulis	寫	எழுது	to write
buat	做	உசவி	to do
datang	來	வரு	to come
simpan	收藏	ஊஷந்துக் கொள்ள	to keep
dudok	坐	ஏற்றுநாடி	to sit
pukul	打	நீங், நாக்கு	to strike
jalan	走；路	சுல், சாலை	to walk; road
pergi	去	ஊலை	to go
ajar	教	கற்பி	to teach
bayar	付	(பணம், கட்டுமொம்) கொடுத்து	to pay
tolong	幫助	உதவி	to help
jual	賣	விற்பனை உசவி	to sell
beli	買	ஊஷந்து	to buy
tahu	知	அறிந்து கொள்ள	to know

Melayu	China	Tamil	Inggeris
beri	給	கொடு	to give
terima	接受	பெற்றுக் கொள்ள	to receive
punya	的	பெற்றிரு	to possess
kirim	寄	அனுப்பு	to send
bangun	醒	ஏழுத்திரு	to rise
nanti	等	ஈத்திரு	to wait
dapat	得到	கூலவரப் பேறு	to get
sampai	至	கீரු, வரை	to reach; until
kenal	認識	அறி	to know
saya	我	நான்	I
awak	你	நான்கள்	you
enche'	先生	ஸ்ரீவாஸ்வர்	Mr.
dia	他(她)； 它)	அவன், அவன், அது	he/she/it
kita	我們	நான்கள்	we
ini	這	இங்கு	this
itu	那	இந்து	that
sini	這裏	இங்கே	here
bagitu	如彼	அது ஒத்து	like that
ia (-itu) (-lah)	即是	இந்து	which
juga	也	இந்து	also

Melayu	China	Tamil	Inggeris
akan	將	ஏதுவாக ஏது ஏத்து Grade	will
sudah	已經	உடல்லை	completed
tengah	正在	பதி. இல்	middle
belum	尚未	உத்தில் உத்தை	not yet
pernah	曾經	ஏதுவுடன்	ever
sangat	甚	மகிழ்	very
yang	者，的	ஏன், ஏன்	which, who
apa	什麼	ஏன்	what
mana	那裏	ஏங்கள்	where
bila	幾時	ஏதுள்ளது	when
dan	與	ஏது (இது) and ஏது (ஏது)	and
dengan	以	ஏன், ஏன்று	by, with
kerana	因為	ஏன்றால்	because
tetapi	但是	ஏன்றால்	but
hari	日子	பதிக	day
pagi	早晨	ஏற்று	morning
petang	下午	ஏஞ்சால், ஏஞ்சால்	afternoon, evening
malam	夜晚	ஏஞ்சால்	night
dari	從	ஏதுவா	front
pada	在於	ஏதுவில், ஏது	at, on

Melayu	China	Tamil	Inggeris
beri	給	கீட்டா	to give
terima	接受	பூத்துக் கீட்டா	to receive
punya	的	பூத்தீரு	to possess
kirim	寄	அனுப்பு	to send
bangun	醒	ஏழுந்திரு	to rise
nanti	等	ஈடுந்திரு	to wait
dapat	得到	ஈடுவதற்கு	to get
sampai	至	கீட்ட, வரை	to reach; until
kenal	認識	அறி	to know
saya	我	நான்	I
awak	你	நீண்டன்	you
enche'	先生	ஸ்ரீஷுந்தர்	Mr.
dia	他(她)； 它)	நான், -நீண்ட நீ	he/she/it
kita	我們	நான்கள்	we
ini	這	இங்கு	this
itu	那	இங்கு	that
sini	這裏	இங்கே	here
bagitu	如彼	அது குறை	like that
ia	即是	அது	which
(-itu) (-lah)			
juga	也	இல்லோ	also

Melayu	China	Tamil	Inggeris
akan	將	ஏதிர்க்காவது ஏதாக ஏற்றுக்கூடு ஏதாம்	will
sudah	已經	முடிந்தது	completed
tengah	正在	பல, இருபை	middle
belum	尚未	இல்லாம் இல்லை	not yet
pernah	曾經	எப்போதும்	ever
sangat	甚	மிகவுகில்	very
yang	者，的	ஓன், எது	which, who
apa	什麼	என்ன	what
mana	那裏	எங்கே	where
bila	幾時	எப்புறாக்குது	when
dan	與	ஏது (இணங்கு) and ஏது (ஒர்க்கு)	
dengan	以人	ஏல், எல்லை	by, with
kerana	因為	ஏனென்றால்	because
tetapi	但是	ஏன்றால்	but
hari	日子	பொன்றை	day
pagi	早晨	ஏற்றை	morning
petang	下午	ஏற்பாடு, ஏற்றை	afternoon, evening
malam	夜晚	ஏற்றை	night
dari	從	இடத்தில்	from
pada	在於	இடத்திலே, இடு	at, on

Melayu	China	Tamil	Inggeris
sekarang	現在	இப்போது now	
esok (besok)	明天	நாள் tomorrow	
minggu	星期	வாரம் week	
suruh	吩咐	நடவடிக்கை order	
boleh	可以	முடியும், இயலும் can	
jadi	成為	ஏன், என்டாகு is, to become	
ada	有	பெற்றிரு, இருக்கு have, to exist	
suka	喜歡	விரும்பு like	
hendak	要	தேவைப்படு want	
mahu	要	வேண்டு wish	
rajin	勤勞	விட்டாழுவதற்கி, diligent சூக்கம்	
banyak	很多	தினைய, பல many, much	
ramai	衆多	பலர் many (of people)	
pandai	聰明	சிறநொம் clever விள்ளை, இருப்பதைக் கார	
jangan	不	ஈடாது. don't வேண்டாம்	
tidak (ta')	不	இல்லை no or not	
tiada (tidak ada, ta' ada)	沒有	இல்லை not	

Melayu	China	Tamil	Inggeris
bukan	不是	ஆகிற.	not
dalam	裏面	நீர்க்கு.	in, inside
jauh	遠	தூஞ்	far
lama	久	உயிரு.	old, long (of time)

BAHASA KEBANGSAAN HAK BERSAMA

SADIKIT KETERANGAN

Kandongan risalat ini terutama ia-lah menunjukkan beberapa jenis ayat yang di-susun daripada 100 patah katadasar Bahasa Kebangsaan (Bahasa Melayu).

Dalam penyusunan ini ada beberapa banyak di-antara kata-dasar itu yang kami pakaikan dengan penambahan awal dan penambahan akhir (awalan dan akhiran) seperti:

me, ber, di-, ter, pe, per, ka-, sa-; an, kan, i, -kah, -lah,
ke . . . an, ber . . . an, per . . . an, ke . . . i, pun,

serta perkataan berulang dan Sendinama ka-, di-, dan semua penambahan² dan Sendinama itu tidak-lah kami masukkan ka-dalam bilangan 100 katadasar yang di-jadikan dasar penyusunan ayat² dalam risalat ini.

Sa-bagai yang telah di-ketahui, kebanyakan katadasar dalam Bahasa Kebangsaan itu, terutama kata² Perbuatan, baik dalam tulisan atau perchakapan, apabila di-pakaikan dengan penambahan² itu, maka perkataan² yang memakai-nya itu, dan juga seluroh ayat yang mengandungi-nya itu, berubah erti-nya daripada katadasar yang tiada memakai penambahan itu. Umpama-nya katadasar "bacha", tentu-lah lain erti-nya jika di-pakai dalam bentuk memakai penambahan saperti: bacha-lah, bachakan, di-bachakan, membachakan, terbacha, bachaan dan sa-bagai-nya; pada hal semua-nya itu katadasar-nya ia-lah "bacha".

Oleh sebab itu, perkataan² yang memakai penambahan² itu tidak-lah di-kira lain daripada katadasar-nya. Mithal-nya lagi seperti perkataan: dudokkan, dudoki, menduduki, mendudokkan, penduduk dan sa-bagai-nya, tidak-lah di-kira perkataan lain daripada katadasar-nya "duduk", melainkan di-kira satu perkataan sahaja dalam kumpulan 100 katadasar dalam risalat ini walau pun erti-nya berlainan.

Dan lagi katadasar "apa" dalam risalat ini, kami pecahkan pula kapada perkataan² "siapa", "berapa", "beberapa" (asal-nya: berapa-berapa) dan "mengapa", kerana ia-itu berasal daripada "apa" yang di-tambah "si" jadi "siapa", di-tambah

"ber" jadi "berapa" dan di-tambah "meng" jadi "mengapa". Semua-nya itu di-kira sa-jenis juga, daripada satu katadasar "apa"

Dan lagi dalam risalat ini perkataan2 angka dari satu sampai sembilan (1-9), serta nama2 khas saperti: Singapura, Melayu, Ahad, Ali dan Musa, tidak juga kami masukkan ka-dalam bilangan 100 katadasar itu, kerana kami rasa angka2 itu telah terlalu umum di-ketahui orang, dan nama2 khas itu pula bukanlah perkataan yang penting dalam maksud kami menyusun ayat2 itu.

Elok juga kami nyatakan: dalam menyusun ayat2 yang kami hidangkan ini, bukanlah tujuan kami hendak menyusun seluroh ayat2 itu dengan ayat2 perchakapan atau ayat2 tanya-jawab sahaja, melainkan yang terutama kami tuliskan ia-lah ayat2 yang menunjukkan chara-nya tiap2 katadasar itu di-masukkan ka-dalam ayat2 yang berdasarkan hanya 100 kata-dasar, dan ayat2 itu ia-lah ayat2 yang pendek2 dan mudah di-fahamkan erti-nya.

Di atas tiap2 kumpulan ayat2 itu, ada pula kami tuliskan beberapa patah perkataan yang kami harap di-perhatikan oleh para pembacha bagaimana chara-nya perkataan2 itu di-masukkan ka-dalam ayat. Dan juga perkataan2 yang memakai penambahan dalam ayat2 itu, ada pula beberapa patah di-antara-nya, kami tuliskan berganding dengan masing2 kata-dasar-nya, supaya dapat-lah di-fahami apa katadasar perkata-an2 itu.

Dalam keterangan rengkas ini kami suka menyatakan bahawa kami berpendapat: dalam menggunakan Bahasa Kebangsaan, baik dalam perchakapan atau tulis-menulis, walaupun orang2 yang bukan Melayu sa-kali pun, chuba-lah gunakan penambahan2 itu pada tempat-nya yang betul, kerana di-situ-lah letak-nya kunci bagi memahamkan erti ayat2 itu, dan juga satu daripada sharat2 utama untuk kefasihan berchakap dalam Bahasa Kebangsaan

Apabila risalat ini di-terbitkan dalam "Minggu Bahasa Kebangsaan" di-Singapura ini, kami harap semoga dapatlah ia menggalakkan penduduk Singapura ini, terutama warga-negara-nya, menggunakan Bahasa Kebangsaan dalam kehidupan se-hari2 dengan tujuan supaya Bahasa Kebangsaan kita ini menjadi bahasa persatuan dan perpaduan yang sa-benar-nya di-tanah ayer kita ini.

Penyusun.

Dewan Bahasa dan Kebudayaan Kebangsaan,
Singapura.

29hb July, 1963.

BAHASA KEBANGSAAN HAK BERSAMA

[1]

APA: apa nama — apa buat — apa mahu — apa kata.

A. Apa nama kampong ini?

Apa zwak buat di-sini?

Apa zwak buat datang ka-sini?

Apa yang zwak tulis itu?

Apa yang zwak baca itu?

Apa di-buatnya dedok di-situ?

Apa enche' mahu?

Apa hendak kita buat?

Apa pun zwak beri saya terima.

Apa zwak buat di-kampong sekarang ini?

Apa kata orang itu?

Apa kata-nya?

Apa boleh buat.

B. Orang itu bangsa apa?

Ini tulisan bahasa apa?

Enche' bekerja di-sini jadi apa?

Orang2 di-sini hendak apa?

Tu' apa-lah.

Saya tu' ada buat apa-apa.

C. Buat-lah apa yang zwak suka.

Buat-lah apa yang saya suoh.

Sekarang apa sudah jadi.

BAHASA JIWA BANGSA

[2]

SIAPA: siapa itu — siapa nama — siapa datang — siapa suroh.

A. Siapa orang itu?

Siapa nama enche'?

Siapa nama orang itu?

Siapa punya barang ini?

Siapa yang datang itu?

Siapa mahu buat kerja ini?

Siapa yang menulis surat ini?

Siapa suka pergi ka-kampong itu?

Siapa yang datang ka-rumah enche' semalam?

Siapa guru di-sini?

Siapa orang yang jadi guru di-sini?

Siapa yang berkata bagitu?

Siapa yang berchakap bagitu?

Siapa yang hendak bertanya?

Siapa pun boleh berkata bagitu.

Siapa juga datang saya akan tanya.

Siapa suroh awak datang ka-sini?

B. Bapa awak siapa?

Orang itu siapa?

Orang yang datang dengan awak itu siapa?

Yang memberi tahu dia siapa?

Awak siapa?

C. Kedai ini siapa punya?

Kapada siapa saya hendak bertanya?

Tanyakan-lah kapada siapa yang awak kenal

Tanya-lah siapa yang enche' hendak tanya.

Beri tahu saya siapa awak.

BAHASA KEBANGSAAN HAK BERSAMA

[3]

BERAPA: berapa harga — berapa jauh — berapa orang —
berapa suka — berapa lama — berapa banyak —
berapa hari — tiada berapa — sa-berapa suka.

A. Berapa harga buku ini?

Berapa harga barang ini enche' jual?

Berapa harga rumah ini enche' beli?

Berapa jauh rumah enche' dari sini?

Berapa orang ada dalam rumah ini?

Berapa banyak enche' mahu?

Berapa orang ada dalam rumah ini?

Berapa suka enche' bayar-lah.

Berapa lama awak dudok di-rumah-nya?

Berapa banyak wang yang awak simpankan kepada-nya?

Berapa lama saya sudah suruh dia buat kerja itu.

Berapa lama awak boleh selesaikan kerja ini?

B. Orang-orang di-kampong ini tiada berapa ramai.

Saya tiada berapa kenal orang itu.

Saya tiada berapa dapat membaca tulisan awak ini.

Beri-lah saya wang sa-berapa enche' suka.

Bayar-lah berapa suka enche' hendak bayar.

Pukul berapa enche' sampai ka-sini semalam?

Pukul berapa awak hendak datang esok (besok)?

Sekarang jam awak sudah pukul berapa?

Pukul berapa awak sampai ka-rumah saya malam ini?

GUNAKAN BAHASA KEBANGSAAN

[4]

MANA: mana dia — mana jalan — mana satu — mana yang —
di-mana awak — di-mana kedai — di-mana jalan —
ka-mana hendak — pergi ka-mana — dari mana —
yang mana.

- A. Mana dia jam yang awak beli itu?
Mana jalan ka-rumah Enche' Ahmad?
Mana dia wang yang awak hendak beri itu?
Mana awak boleh buat kerja ini?
Mana-lah saya tahu.
Mana jalan-nya?
Mana jalan hendak pergi ka-kedai itu?
Mana satu yang awak mahu?
Mana boleh jadi?
Mana dia awak kata hendak tolong saya?
- B. Di-mana saya boleh dapat beli buku ini?
Di-mana awak beli jam ini?
Di-mana kedai-nya tempat menjual jam?
Di-mana jalan-nya hendak pergi ka-rumah Enche' Ahmad?
Di-mana awak simpan surat-surat ini?
Di-mana-mana kedai pun awak boleh dapat beli buku itu.
- C. Ka-mana awak hendak pergi?
Ka-mana awak hendak kirimkan surat ini?
Ka-mana hendak kita jualkan barang-barang ini?
Ka-mana pergi-nya orang rumah ini?
- D. Awak hendak pergi ka-mana?
Surat ini awak hendak kirimkan ka-mana?
Ini jalan pergi ka-mana?
Ini jalan ka-mana?

- E. Dari mana awak datang?
Dari mana awak dapat barang-barang ini?
- F. Awak datang dari mana?
Orang-orang itu datang dari mana?
- G. Yang mana awak punya?
Yang mana satu awak hendak?
Yang mana di-ambil-nya?
Yang mana dia punya?
Yang mana dia suka?
Yang mana kita hendak beli?
Yang mana awak hendak jual?
Yang mana satu saya hendak baca?
- H. Awak hendak yang mana?
Dia hendak beli yang mana?
Dia punya yang mana?

BERSATU DENGAN SATU BAHASA

[5]

AJAR: belajar — mengajar — pelajaran — ajarkan — pelajar.

Sekarang di-Singapura Minggu Bahasa Kebangsaan.

Sudah-kah awak belajar Bahasa Kebangsaan?

Saya sudah lama belajar Bahasa Kebangsaan; sudah pandai menulis, membaca dan berchakap dalam Bahasa Kebangsaan.

Saya sangat suka belajar Bahasa Kebangsaan.

Hari-hari saya hendak berchakap dalam Bahasa Kebangsaan.

Guru2 Melayu pandai mengajarkan Bahasa Kebangsaan.

Ajarkan-lah saya Bahasa Kebangsaan.

Saya su-orang pelajar Bahasa Kebangsaan.

Saya sangat suka: satu Malaysia satu Bahasa Kebangsaan.

Di-mana awak beli buku-buku pelajaran Bahasa Kebangsaan ini?

Berapa lama awak sudah belajar Bahasa Kebangsaan?

Hari-hari kita berchakap dalam Bahasa Kebangsaan kita.

Mahu-kah enche' mengajar saya Bahasa Kebangsaan.

Minggu ini ada-kah awak belajar Bahasa Kebangsaan?

Di-mana-mana dalam Malaysia orang boleh berchakap dengan Bahasa Kebangsaan.

Sekarang sudah banyak buku-buku pelajaran Bahasa Kebangsaan di-jual orang di-kedai-kedai.

Ramai orang yang hendak membeli buku pelajaran Bahasa Kebangsaan.

BAHASA JIWA BANGSA

[6]

Terima: menerima — kirim: kirimkan — tulis: menulis —
beri: memberi — jalan: berjalan, berjalan-jalan — jual: jual-
kan, menjualkan — lama: sa-lama — tanya: tanyakan — cha-
kap: berchakap-chakap.

Hari ini saya menerima wang kiriman daripada bapa saya.
Saya akan menulis surat kapada-nya memberi tahu dia.
Semalam saya berjalan dengan guru kita; saya khat awak
berjalan dengan emak dan bapa awak.

Saya hendak menjualkan rumah saya ini kepada orang itu.
Berapa harga rumah itu awak hendak jualkan?
Berapa lama berjalan boleh sampai ka-rumah awak?
Rumah saya jauh di-dalam kampong. Dua jam berjalan sam-
pai-lah kita ka-rumah saya.

Saya minta awak simpan wang saya ini sa-lama sa-minggu.
Simpan di-rumah awak, jangan di-bawa berjalan-jalan.
Saya hendak berchakap-chakap dengan awak; kerana banyak
yang hendak saya tanyakan kapada awak.
Bila awak akan datang ka-rumah saya?
Nanti-lah dalam dua tiga hari ini.

BAHASA KEBANGSAAN HAK BERSAMA

[7]

DUDOK: tempat dudok — dudok-lah — dudoki — mendudoki — dudokan — kedudokan — pendudok.

Dudok-lah di-sini kita berchakap-chakap.

Ada-kah tempat dudok di-sini?

Jangan dudoki barang ini.

Dudokkan dia di-sini.

Berapa lama awak sudah dudok di-rumah ini?

Berapa lama awak sudah mendudoki rumah ini?

Awak-kah pendudok rumah ini?

Pendudok Singapura sudah jadi sangat ramai.

Suka hati saya melihat kedudokan rumah ini.

Saya hendak tahu kedudokan awak dalam pejabat ini sekarang.

Rumah itu sudah di-dudoki orang.

Rumah yang saya jualkan itu sudah di-dudoki orang.

Orang rumah ini sudah pergi dudok ka-kampong-nya.

GUNAKAN BAHASA KEBANGSAAN

[8]

TULIS: tulisan — menulis — penulis — di-tulis-tulis — tulis-lah — tuliskan — menuliskan.

Bapa saya tengah menulis surat.

Bapa saya menyuroh saya menulis surat kepada awak.

Tulis-lah surat kepada saya, kerana sudah lama saya ta' menerima surat daripada awak.

Saya akan menulis surat kepada-nya.

Tolong-lah awak tuliskan saya surat yang hendak saya kirim kepada bapa saya di-kampong.

Hari ini saya ta' dapat menuliskan surat awak, kerana saya banyak kerja di-pejabat, nanti-lah esok saya tuliskan.

Saya ta' berapa pandai menulis surat kiriman.

Guru saya sa-orang penulis buku-buku bacaan.

Bila awak sudah sampai ka-kampong awak, tulis-lah surat kepada saya.

Sudah lama saya menanti surat daripada awak; tetapi sampai sekarang belum juga saya terima apa-apa surat daripada awak.

Sudah lama saya tiada menulis surat kepada awak.

Saya ta' suka buku pelajaran ini di-tulis-tulis.

Buku ini jangan-lah di-tulis-tulis.

Saya minta awak tuliskan apa yang saya katakan ini.

BERSATU DENGAN SATU BAHASA

[9]

BACHA: **bacha-lah** — **bachakan** — **di-bachakan-nya** — **di-bacha-nya** — **membacha** — **bachaan** — **pembacha**.

Saya melihat guru saya tengah **membacha** buku.

Buku apa yang **di-bacha-nya** itu?

Dia membacha buku pelajaran Bahasa Kebangsaan.

Di-mana **di-beli-nya** buku **bachaan** itu?

Boleh-kah dia membacha dan menulis?

Bacha-lah surat yang saya beri ini.

Tolong **bachakan** surat ini kepada saya.

Tolong **bachakan** saya surat ini.

Surat itu **di-bachakan-nya** kepada saya.

Sudah awak **bachakan** surat itu kepada-nya?

Ramai **pembacha** yang suka **membacha** buku **bachaan** ini.

Surat yang awak kirimkan sudah saya terima semalam dan sudah saya **bacha**. Sulka saya **membacha-nya**. Surat awak itu saya **bachakan** juga kepada emak dan bapa saya.

Apa kata-nya dalam surat yang awak **bacha** itu.

Jangan **bacha** surat-surat dalam simpanan saya itu.

BAHASA JIWA BANGSA

[10]

Datang: kedatangan — terima: menerima — sampaikan: menyampaikan — kerja: pekerjaan — beri: berikan. Diberi — kirim: mengirimkan. pengirim — bila: bila-bila — sampai: sampaikan — pagi: pagi-pagi — hendak: kehendaki.

Bila zwak hendak datang ke rumah saya?

Bila-bila, saya suka menerima kedatangan zwak.

Nanti-lah saya akan datang apabila saya ta' banyak kerja di-pejabat.

Guru suruh saya menyampaikan buku-buku nya.

Bapa saya tengah membaca surat yang di-terima-nya pagi tadi.

Dapatkah zwak pekerjaan yang zwak kehendaki itu?

Saya belum di-beri tahu apa?

Tolong sampaikan surat ini kepada Enche' Ahmad di-rumah-nya petang ini.

Petang ini saya banyak sangat kerja. Boleh-kah pagi esok saya berikan surat ini kepada-nya? Pagi-pagi saya berikan.

Saya ta' tahu siapa pengirim surat itu, dan surat itu pun belum saya baca.

BAHASA KEBANGSAAN HAK BERSAMA

Ajor: mengajarkan — malam; semalam — pernah; pernah-kah tanyak: bertanyakan — pukul; pukul berapa — mana: dari mana — kenal; kenalkan.

Enche', ini dia wang harga barang ini, saya bayar.

Tolong tanyakan orang itu, apa dia hendak datang ka-pejabat saya ini.

Dia sa-orang guru, datang hendak mengajarkan Bahasa Kebangsaan kapada orang-orang di-kampung ini.

Pernah-kah enche' datang ka-kampung ini?

Saya belum pernah membaikinya dulu itu.

Semalam, ada sa-orang bertanyakan awak, kata-nya nama-nya Ali bin Ahmad. Dia kenal awak.

Dari mana datang-nya orang itu? Dia tidak memberi tahu saya dari mana datang-nya.

Sekarang sudah pukul tiga petang, Awak hendak ka-mana?

Saya hendak pergi ka-rumah bapa saya; kerana emak saya suruh saya datang hari ini juga.

Saya sudah menanti awak di-sini dari pagi sampai petang.

Boleh-kah awak kenalkan orang itu kepada saya.

GUNAKAN BAHASA KEBANGSAAN

[12]

Beli: membeli, di-beli, belikan — bangsa: kebangsaan — chakap: berchakap — kata: berkata — tolong: pertolongan — dengar: mendengar.

Apa yang awak beli di-kedai itu?

Saya membeli barang-barang yang akan saya berikan kepada ibu bapa saya.

Barang ini sudah di-beli orang itu; harga-nya sudah di-bayar-nya.

Tolong belikan saya sa-buah buku pelajaran Bahasa Kebangsaan, kerana saya hendak belajar membacanya, menulis dan berchakap dalam Bahasa Kebangsaan.

Ramai orang di-kedai itu membeli barang-barang.

Suka saya mendengar orang itu berchakap dengan Bahasa Kebangsaan.

Dia rajin belajar dan membacanya buku2 pelajaran Bahasa Kebangsaan.

Guru saya pandai mengajar Bahasa Kebangsaan.
Kerana pertolongan enche' yang rajin mengajar saya Bahasa Kebangsaan, sekarang saya sudah pandai menulis dan berchakap-chakap dalam Bahasa Kebangsaan.

BERSATU DENGAN SATU BAHASA

[13]

Mana: ka-mana — pagi: pagi-pagi — chakap: di-chakapkan-nya — jual: menjualkan — hendak: di-kehendaki-nya.
ta' = tidak. 'nak = hendak. 'tu = itu. 'dah = sudah.

AHMAD: Ka-mana awak 'nak pergi pagi-pagi ini?

ALI: Ta' ka-mana. Sudah pukul berapa sekarang?

AHMAD: Pukul lapan.

ALI: Ta' apa-lah: satu jam boleh saya nanti.

AHMAD: Satu jam boleh nanti apa?

ALI: Pukul sembilan saya 'nak sampai ka-rumah Enche' Musa.

AHMAD: Apa kerja 'nak awak buat pergi ka-rumah Enche' Musa itu?

ALI: Bukan ada apa-apa kerja. Tetapi dia suruh saya datang ka-rumah-nya pukul sembilan pagi ini, kerana ada yang hendak di-chakapkan-nya kepada saya.

AHMAD: Saya pun kenal Enche' Musa itu. Dua tiga hari yang sudah, dia ada berchakap kapada saya, dia hendak menjualkan sa-buah daripada rumah-rumah-nya kapada saya.

ALI: Jadi awak beli rumah Enche' Musa yang hendak di-jual-nya itu?

AHMAD: Ta' jadi saya beli; kerana saya ta' ada wang sa-banyak yang di-kehendaki-nya itu.

ALI: Bukan-kah awak sudah ada rumah di-kampong?

AHMAD: Ada 'tu ada-lah. Tetapi rumah saya di-kampong 'tu, 'dah lama — rumah lama. Hari sudah pukul sembilan. Pergi-lah lekas ka-rumah Enche' Musa itu.

BAHASA JIWA BANGSA

bhat; melihat — dudok: dudok-dudok — jalan: berjalan-jalan
bacha; membacha; bachaan.

Saya belum pernah melihat zwak dudok-dudok di-kedai.
Saya ta' suka dudok-dudok di-kedai dengan ta' ada kerja.
Saya suka dudok di-rumah membacha buku-buku.
Apabila sudah banyak membacha, saya pergi berjalan-jalan.
Dengan siapa zwak pergi berjalan-jalan itu?
Dengan emak bapa saya. Apa-apa yang saya ta' tahu dalam
bachaan saya itu, saya tanyakan kepada bapa saya.

Tolong-lah bayar harga barang yang enche' beli ini.
Bukan-kah sudah saya bayar?
Enche' belum bayar, kerana belum saya terima bayaran enche'
itu.
Sekarang saya bayar. Mana dia barang yang sudah saya beli itu?

Kenal-kah zwak orang itu?
Saya ta' kenal orang itu, dan saya ta' tahu siapa dia.
Bukan-kah dia orang kampung ini?
Dia bukan orang kampung ini. Dia datang dari tempat yang
jauh.
Apa di-buat-nya datang ka-kampung kita ini?
Dia bendak membeli barang-barang kampung.
Ramai juga orang datang ka-kampung ini membeli barang

BAHASA KEBANGSAAN HAK BERSAMA